



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 18-20 Februari 2023 (Jumaat-Isnin) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Lebih 1000 Peserta Hadiri Kursus Wanita Bangkit@Kpwkm Mykasih Kapital Setakat Ini</p> <p>https://suarasarawak.my/2023/02/1000-sertai-program-wanita-bangkitkpwkm/</p> <p>https://newsway.com/article/entrepreneurship-programme-empowers-women-across-the-country-says-nancy-A2302_Kg1nRk</p> <p>https://biz.crast.net/nancy-says-entrepreneurship-program-empowers-women-across-the-country/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/02/18/1850-peserta-hadiri-kursus-wanita-bangkitkpwkm-mykasih-kapital-setakat-ini</p>	<p>Suara Sarawak</p> <p>Newsway</p> <p>Biz.crast</p> <p>Utusan Borneo</p>	Neutral

	<p>https://www.theborneopost.com/2023/02/19/entrepreneurship-programme-empowers-women-across-the-country-says-nancy/</p> <p>https://www.newsarawaktribune.com.my/programme-aims-to-help-women-generate-income/</p> <p>https://www.astroawani.com/video-malaysia/wanita-bangkit-mykasih-kapital-bantu-wanita-mulakan-perniagaan-2010131</p> <p>https://www.malaymail.com/news/money/2023/02/19/entrepreneurship-programme-empowers-women-across-malaysia-says-nancy-shukri/55657</p>	<p>The Borneo Post</p> <p>New Sarawak Tribune</p> <p>Astro Awani</p> <p>Malay Mail</p>	
2	<p>Pindaan Perlembagaan Kerakyatan Anak Bukti Kerajaan Angkat Prinsip Kesaksamaan Gender</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2165639</p> <p>https://sarawakvoice.com/2023/02/18/pindaan-perlembagaan-persekutuan-berkaitan-kerakyatan-anak-lahir-luar-negara-diberi-keadilan/</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1065946/pindaan-perlembagaan-kerakyatan-anak-bukti-kerajaan-angkat-prinsip</p> <p>https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/428799</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/18/citizenship-for-children-born-overseas-to-malaysian-mothers-proves-govt-upholds-gender-equality-says-nancy</p> <p>https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/02/881192/citizenship-children-born-overseas-malaysian-mothers-proves-government</p> <p>https://m.malaysiakini.com/news/655569</p> <p>https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2165645</p>	<p>Bernama</p> <p>Sarawak Voice</p> <p>Berita Harian</p> <p>The Malaysian Insight</p> <p>The Star</p> <p>NST</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Bernama</p>	Neutral

	<p>https://newswav.com/article/move-to-amend-children-s-citizenship-law-proved-govt-upholds-gender-equalit-A2302_Ucv4f8</p> <p>https://www.theborneopost.com/2023/02/18/nancy-cabinet-approval-to-amendments-on-citizenship-brings-relief-to-many/</p> <p>https://youtu.be/E9nWCvS2JJM</p> <p>https://www.newsarawaktribune.com.my/automatic-citizenship-gives-justice-to-children/</p> <p>https://www.astroawani.com/video-malaysia/status-warganegara-langkah-penting-tamatkan-ketidakadilan-terhadap-wanita-nancy-2010136</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/18/citizenship-for-children-born-overseas-to-malaysian-mothers-proves-govt-upholds-gender-equality-says-nancy</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/02/18/pindaan-perlembagaan-berhubung-kerakyatan-perlu-disegerakan-nancy</p> <p>https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/02/881192/citizenship-children-born-overseas-malaysian-mothers-proves-government</p> <p>https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2165645</p> <p>https://www.theborneopost.com/2023/02/18/nancy-cabinet-approval-to-amendments-on-citizenship-brings-relief-to-many/</p> <p>https://www.dailyexpress.com.my/news/207888/hope-amendment-will-solve-problem-of-children-without-citizenship-nancy/</p>	<p>Newsav</p> <p>The Borneo Post</p> <p>Astro Awani</p> <p>New Sarawak Tribune</p> <p>Astro Awani</p> <p>The Star</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>NST</p> <p>Bernamea</p> <p>The Borneo Post</p> <p>Daily Express</p>	
3	<p>Lima Saranan OKU Untuk Kerajaan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/245850</p> <p>https://newswav.com/article/lima-saranan-oku-untuk-kerajaan-A2302_kAQIkE</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Newsav</p>	Neutral

4	<p>Wujudkan Unit Lindungi Hak Kanak-Kanak Secara Undang-Undang – Daphne Iking</p> <p>https://mediavariasi.com/2023/02/wujudkan-unit-lindungi-hak-kanak-kanak-secara-undang-undang-daphne-iking/</p>	Media Variasi	Neutral
5	<p>Terengganu Naikkan Kadar Bantuan Sekali Bayaran Golongan OKU</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/wilayah/2023/02/1066171/terengganu-naikkan-kadar-bantuan-sekali-bayaran-golongan-oku</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=Bhv0iEGSNBY</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/937575/kadar-bantuan-sekali-bayar-untuk-oku-dinaikkan-kepada-rm200-metrotv</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Harian Metro</p>	Positif
6	<p>Perluaskan Kemudahan Latihan Untuk Semua Kanak-Kanak Berkeperluan Khas</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/02/18/perluaskan-kemudahan-latihan-untuk-semua-kanak-kanak-berkeperluan-khas</p> <p>https://tvstv.my/2023/02/18/oku-perlu-diberi-peluang-serlah-bakat-seni/</p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>TVSTV</p>	Neutral
7	<p>Wanita Maut, Nahas Kereta Dan Lori Tangki</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/245806</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-maut-kereta-bertembung-lori-tangki-407089?amp=1</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/02/18/wanita-maut-kenderaan-bertembung-lori-tangki/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57601-wanita-maut-kereta-bertembung-lori-tangki</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>MG</p> <p>Berita RTM</p>	Neutral

8	<p>Hanya 2.4 Peratus OKU Di Malaysia Daftar Dengan KPWKM</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/02/19/hanya-2-4-peratus-oku-di-malaysia-daftar-dengan-kpwkm/</p> <p>https://kampungmamak.com/hanya-2-4-peratus-oku-di-malaysia-daftar-dengan-kpwkm/</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/hanya-2-4-peratus-daripada-keseluruhan-oku-berdaftar-dengan-kerajaan/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Kampung Mamak</p> <p>Utusan</p>	Neutral
9	<p>Kejohanan Olahraga Para PPDK Cungkil Bakat Baharu Pelatih - JKM Pahang</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57664-kejohanan-olahraga-para-ppdk-cungkil-bakat-baharu-pelatih-jkm-pahang</p>	<p>Berita RTM</p>	Positif
10	<p>Melaka Sedia RM1 Juta Beri Lampin Pakai Buang Dewasa, Susu</p> <p>https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2023/02/19/melaka-sedia-rm1-juta-beri-lampin-pakai-buang-dewasa-susu/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2165804</p>	<p>Portal Sinar Harian</p> <p>Bernamea</p>	Positif
11	<p>Kanak-Kanak Ditemui Lemas Selepas Jatuh Dalam Longkang</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/19/kanak-kanak-ditemui-lemas-selepas-jatuh-dalam-longkang/</p> <p>https://mykmu.net/2023/02/20/ditemui-lemas-selepas-jatuh-dalam-longkang/</p> <p>https://www.hotfm.audio/kanak-kanak-ditemui-lemas-selepas-jatuh-dalam-longkang/</p>	<p>FMT</p> <p>Mykmu</p> <p>HotFM</p>	Neutral

	<p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/106649/1/budak-6-tahun-jatuh-longkang-ditemui-lemas</p> <p>https://selangorkini.my/2023/02/kanak-kanak-enam-tahun-jatuh-longkang-ditemui-lemas/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-6-tahun-maut-jatuh-longkang-407291</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/246019/berita/s-emas/seorang-kanak-kanak-lelaki-ditemui-lemas</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/02/19/budak-6-tahun-lemas-dalam-longkang/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/937842/kanak-kanak-jatuh-longkang-ditemukan-lemas</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kanak-kanak-enam-tahun-maut-jatuh-longkang-JC10656807</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2165903</p> <p>https://wartarakyat.com.my/index.php/2023/02/19/kanak-kanak-lelaki-dikhuatiri-lemas/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=kanak-kanak-lelaki-dikhuatiri-lemas</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Harian Metro</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Bernamea</p> <p>Warta Rakyat</p>	
12	<p>Budak Lelaki Maut Nahas Lima Kenderaan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/246037/berita/s-emas/budak-lelaki-maut-nahas-lima-kenderaan</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/937845/kanak-kanak-dua-tahun-maut-tujuh-cedera-dalam-kemalangan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/246010/berita/s-emas/tiga-termasuk-seorang-kanak-kanak-maut-nahas</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
13	<p>Kanak-Kanak, Remaja Berisiko Tinggi Masalah Kesehatan Mental - Dr Zaliha</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/655671</p>	<p>Malaysia Kini</p>	Neutral

	<p>https://selangorkini.my/2023/02/menteri-kanak-kanak-remaja-berisiko-tinggi-alami-isu-kesihatan-mental/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanak-kanak-remaja-berisiko-tinggi-alami-masalah-kesihatan-mental-dr-zaliha-407279</p>	Selangor Kini	
14	<p>Wanita Warga Emas Dikhuatiri Hilang Ketika Mencari Loka</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1066486/wanita-warga-emas-dikhuatiri-hilang-ketika-mencari-lokan</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-dikhuatiri-hilang-ketika-mencari-lokan/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/02/19/wanita-warga-emas-hilang-semasa-mencari-lokan-di-tuaran/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Warta Oriental</p>	Neutral

LEBIH 1000 PESERTA HADIRI KURSUS WANITA BANGKIT@KPWKM MYKASIH KAPITAL SETAKAT INI

<https://suarasarawak.my/2023/02/1000-sertai-program-wanita-bangkitkpwkm/>

Sumber : Suara Sarawak



KUCHING: Seramai 1,000 wanita sekitar bandar raya ini memperoleh manfaat menerusi Program Wanita Bangkit@KPWKM yang bertujuan untuk membantu wanita menjana pendapatan melalui bidang keusahawanan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, inisiatif tersebut bertujuan memperkasakan wanita di seluruh negara terutamanya yang hilang pendapatan, pencari nafkah utama dan ibu tunggal melalui latihan dan sokongan untuk memulakan perniagaan sehingga mampu berdikari dari segi ekonomi.

Selain itu katanya, inisiatif ini juga dilaksanakan menggunakan pendekatan bimbingan dan kaunseling serta pendidikan psikologi daripada Kaunselor Berdaftar Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) bagi meningkatkan jati diri peserta.

“Ia adalah program rintis bagi golongan wanita yang ingin mula menjana pendapatan melalui perniagaan kecil-kecilan dari rumah mahu pun secara e-dagang.

“Peserta akan dipantau oleh YKN selepas enam bulan dan dinilai perkembangan perniagaan untuk peserta yang bersesuaian dirujuk kepada agensi kerajaan yang berkaitan seperti Insken, Tekun, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan sebagainya bagi mendapatkan bantuan skim keusahawanan untuk memperluaskan pasaran perniagaan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan Program Wanita Bangkit @ KPWKM di Dewan Majma Tunku Abd Halim Muadzam Shah, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Nancy berkata, seramai 16,620 wanita telah mendapat manfaat bantuan MyKasih Kapital dan menjalankan perniagaan yang mereka ceburi sejak ia mula dilancarkan.

Beliau berkata, peserta yang mengikuti kursus dan menerima bantuan modal perniagaan MyKasih Kapital telah memulakan perniagaan secara kecil-kecilan seperti jualan makanan bermasak, makanan sejuk beku, jualan produk kecantikan, jualan pakaian dan ada diantaranya memulakan perniagaan dengan menjadi ejen dropship dan hanya perlu bekerja dari rumah.

“Melalui pemantauan yang dijalankan selepas enam bulan, daripada 14,770 peserta, 90 peratus peserta telah meningkatkan pendapatan dari RM500 hingga RM1,000 sebulan manakala 10 peratus lagi telah mendapat peningkatan sehingga RM3,000 sebulan,” jelasnya.

Justeru katanya, beliau menyeru peserta-peserta program ini dapat membantu wanita lain mungkin dengan memberi peluang pekerjaan ataupun melalui perkongsian ilmu sesama sendiri.

PINDAAN PERLEMBAGAAN KERAKYATAN ANAK BUKTI KERAJAAN ANGKAT PRINSIP KESAKSAMAAN GENDER

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1065946/pindaan-perlembagaan-kerakyatan-anak-bukti-kerajaan-angkat-prinsip>

Sumber : Berita Harian



KUCHING: Langkah meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan anak dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warga asing mendapat

kerakyatan negara ini, membuktikan keprihatinan Kerajaan Perpaduan dalam mengangkat prinsip kesaksamaan gender.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata [pindaan itu](#) hendaklah disegerakan dan disokong oleh semua Ahli Parlimen kerajaan serta pembangkang apabila ia dibentangkan di Dewan Rakyat kelak.

"Kami berharap ia akan menyelesaikan masalah anak-anak yang tidak bertaraf kewarganegaraan. Di Sarawak juga ramai yang mempunyai masalah ini, kita berikan keadilan buat mereka. Sejak jadi Ahli Parlimen, ramai ibu tampil meminta bantuan saya berhubung kerakyatan anak mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri program Keusahawanan Wanita Bangkit@Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) anjuran Yayasan Kebajikan Negara, di sini hari ini.

Nancy mengulas cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan melibatkan Seksyen 1(1)(d) dan Seksyen 1(1)(e) Bahagian I dalam Jadual Kedua serta Seksyen 1(b) dan Seksyen 1(c) Bahagian II dalam jadual sama, seperti yang dipersetujui Jemaah Menteri semalam.

Dalam kenyataan bersama Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, memaklumkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2023 berhubung perkara itu dijangka dibentangkan dalam persidangan Parlimen kali ini setelah memenuhi kehendak undang-undang.

Cadangan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan mengenai perkara itu untuk menggantikan perkataan 'bapanya' dalam Bahagian I dan Bahagian II Jadual Kedua dengan perkataan 'sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya', menurut kenyataan itu.

Mengenai program Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM, Nancy memaklumkan, setakat ini, 1,850 peserta dari seluruh negara telah menyertai program itu yang bertujuan membimbing golongan wanita terutamanya yang hilang pendapatan atau ibu tunggal menceburi bidang keusahawanan. - BERNAMA

LIMA SARANAN OKU UNTUK KERAJAAN

<https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/245850>

Sumber : Sinar Harian

SHAH ALAM - Pergerakan Advokasi Hak-hak Orang Kurang Upaya Malaysia (Boleh Space) mencadangkan lima saranan kepada kerajaan bagi keseimbangan dan menaik taraf berkaitan hak Orang Kurang Upaya (OKU).

Menurut kenyataan Boleh Space, antara cadangan tersebut adalah menaik taraf Jabatan Pembangunan OKU (JPOKU) ke jabatan penuh di bawah Kementerian Pembangunan Wanita,

Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan sekurang-kurangnya 50 peratus pegawai serta pekerja daripada golongan berkenaan.

"Namun, sekiranya tiada berkelayakan untuk menjadi pengarah, sasarkan supaya golongan berkenaan menjadi Pengarah JPOKU dalam tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun.

"Kedua, mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Orang Kurang Upaya di Parlimen dan membentangkan Laporan Penuh Pelan Tindakan OKU 2016-2022 serta menubuhkan Unit Hal Ehwal OKU di bawah Pejabat Ketua Setiausaha setiap Kementerian dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

"Unit itu akan berperanan untuk merealisasikan Dasar 1 peratus OKU berkhidmat dalam setiap kementerian serta kerajaan negeri, membantu dari segi nasihat serta sokongan kepada ketua bahagian yang baru mengambil pekerja OKU serta pekerja OKU sendiri.

"Memastikan kementerian serta kerajaan negeri menjalankan dasar-dasar berkaitan OKU seperti Pelan Tindakan OKU 2016-2022, Akta OKU 2008, UBBL34A, 'Zero Reject Policy' di sekolah serta Dasar Pendidikan Inklusif di IPTA," katanya

Tambah kenyataan itu, kerajaan juga disarankan menubuhkan Suruhanjaya Hak Orang Kurang Upaya dengan ahli suruhanjaya tersebut dilantik dalam kalangan mereka berkelayakan dengan setiap ahli mewakili kategori OKU yang berbeza.

Ujarnya, suruhanjaya itu berperanan untuk mempromosikan pendidikan hak asasi OKU, menasihati dasar dan perundangan, dan melakukan penyiasatan.

"Ini untuk memastikan hak-hak OKU di Malaysia diperjuangkan dan setiap pelanggaran hak mereka disiasat dan diselesaikan.

"Selain itu, menambah bilangan senator mewakili OKU daripada kategori OKU berbeza dengan melaksanakan penambahbaikan proses pencalonan, saringan dan pelantikan secara terbuka dan telus bagi jawatan tersebut untuk wakil OKU, ahli-ahli Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) serta ahli-ahli Jawatankuasa-jawatankuasa teknikal dibawah MKBOKU.

"Ini juga termasuk menyediakan sistem direktori supaya Senator, ahli MKBOKU serta ahli Jawatankuasajawatankuasa teknikal boleh dihubungi secara terbuka," jelasnya.

Menurut kenyataan itu lagi, kelima-lima cadangan itu dibuat selepas pihaknya meneliti kandungan agenda Malaysia Madani, di mana dapat dilihat peluang lebih luas bagi kerajaan menjayakan perangkuman OKU dalam pembangunan negara.

Katanya, agenda Malaysia Madani yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 19 Januari lalu menyentuh pelbagai perkara penting, termasuk tatakelola yang baik dan demokratik, keadilan sosial, pemertabatan maruah rakyat, ekonomi manusiawi dan aspek kritikal lain.

"Perdana Menteri juga dengan jelas dan tegas memetakan halatuju negara dengan keutamaan-keutamaan signifikan yang merentasi dimensi politik, sosial, ekonomi, alam sekitar serta teknologi.

"Justeru, Aspirasi Malaysia Madani benar-benar menyentuh isu dan keperluan rakyat, khususnya mereka yang terpinggir termasuk orang kurang upaya," katanya.

WUJUDKAN UNIT LINDUNGI HAK KANAK-KANAK SECARA UNDANG-UNDANG – DAPHNE IKING

<https://mediavariasi.com/2023/02/wujudkan-unit-lindungi-hak-kanak-kanak-secara-undang-undang-daphne-iking/>

Sumber : Media Variasi

SHAH ALAM: Selain bergelar selebriti dan personaliti TV, Daphne Iking yang juga aktivis kanak-kanak lantang memperjuangkan nasib golongan itu dan ibu tunggal.

Komitmen pelakon dan pengacara cantik itu terhadap kesejahteraan dan kebajikan mereka yang kurang bernasib baik membuatnya dirinya lebih popular berbanding ahli politik.

Terbaharu, Daphne menggesa kerajaan mewujudkan unit khas kanak-kanak yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perundangan khusus untuk melindungi hak kanak-kanak.

Saranan itu ditujukan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), selepas melihat keperluan untuk menangani isu penderaan yang serius di pusat pemulihan.

“Membaca isu penderaan, kurungan secara salah terhadap kanak-kanak sehingga menjejaskan kesihatan mental mereka amat membimbangkan.

“Isu seperti ini perlu diatasi dengan mewujudkan satu unit khas yang boleh melindungi kanak-kanak bawah usia 18 tahun dari aspek perundangan.

“Menerusi unit ini, pakar perundangan boleh membantu golongan yang tertindas serta jika hak mereka dicabuli untuk mendapat keadilan sewajarnya.

“Daripada sini mereka tahu bagaimana untuk membuat laporan polis, apa tindakan selepas itu dan bagaimana untuk bangkit semula.

“Kita bercakap mengenai kesan mental, emosi dan fizikal mereka hadapi setelah menghadapi trauma yang dahsyat dan memastikan perkara sama tidak berulang pada yang lain, ” katanya kepada MEDIA VARIASI

Tambahnya, beliau ada membaca masalah kesihatan mental kanak-kanak, bersama seorang pakar undang-undang kanak-kanak, Dr Farah Nini Dusuki.

“Selama ini kita hanya fikir banyak berpunca daripada kes dera, gangguan seksual, tekanan rakan sebaya.

“Sebenarnya, banyak yang kita belum tahu, sebab kita faham negara tak cukup kepakaran untuk kendalikan kes seperti ini (isu kanak-kanak),” katanya.

Daphne berkata demikian mengulas mengenai kes penderaan di pusat pemulihan yang didedahkan MEDIA VARIASI.

Daphne turut menambah, masyarakat khususnya ibu bapa juga perlu terbuka untuk menggalakkan anak muda supaya untuk berjumpa pakar kaunseling atau pakar psikologi, malah lebih baik jika menjadikannya sebagai norma.

“It is okay to not be okay, kita perlu normalisasikan kaedah (jumpa pakar) ini, wujudkan unit khas (KWPKM) untuk menyampaikan maklumat kepentingan akta kanak-kanak dan hentikan stigma negatif terhadap pertemuan dengan pakar kesihatan mental,” katanya.



Terdahulu, Daphne ditemui pada Majlis Pelancaran Produk Baharu Wellsen X Dynas yang turut dihadiri Pengarah Eksekutif WeGlobe Marketing Sdn Bhd, Seng Sin Mon dan pelakon, Dynas Mokhtar di Wanra Cafe, Bukit Jelutong, di sini.

MEDIA VARIASI sebelum ini melaporkan, secara eksklusif, Daphne menggesa lebih banyak penempatan bilik mahkamah mesra kanak-kanak perlu dibuka bagi melindungi golongan berkenaan ketika terbabit kes di mahkamah.

Untuk rekod, Mahkamah Khas Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak pernah dilancarkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Istana Kehakiman Putrajaya, pada Jun 2017.

Mahkamah khas ini dilancarkan bagi mewujudkan persekitaran yang lebih mesra kepada mangsa kanak-kanak dan menangani kes penderaan kanak-kanak dengan lebih berkesan.

TERENGGANU NAIKKAN KADAR BANTUAN SEKALI BAYARAN GOLONGAN OKU

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/wilayah/2023/02/1066171/terengganu-naikkan-kadar-bantuan-sekali-bayaran-golongan-oku>

Sumber : Berita Harian

KUALA TERENGGANU: Kerajaan negeri bersetuju menaikkan kadar bantuan sekali bayaran kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) sebanyak RM200, berbanding hanya RM150 tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Perpaduan Nasional negeri, Hanafiah Mat, berkata bantuan sekali bayaran kepada 33,301 OKU yang berdaftar di seluruh negeri itu akan dibayar selewat-lewatnya selepas sambutan Aidilfitri, April depan.

Dengan kenaikan itu, katanya, kerajaan negeri membelanjakan kira-kira RM6.7 juta berbanding kira-kira RM5 juta seperti diumumkan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar ketika membentangkan bajet 2023 pada November lalu.

"Kenaikan kadar bantuan RM150 kepada RM200 bagi meringankan beban golongan OKU di negeri dipersetujui pada mesyuarat EXCO baru-baru ini dan diumumkan Ahmad Samsuri semalam.

Terdahulu, Hanafiah yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Chukai menyampaikan cenderamata kepada syarikat dan agensi kerajaan yang terbabit mengadakan pameran sempena Karnival Orang Kurang Upaya (OKU) peringkat negeri di Dataran Batu Burok, yang diadakan selama tiga hari mulai Khamis lalu.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri, Mazura Ngah Abdul Manan.

Mengulas lanjut, Hanafiah berkata, pembayaran bantuan sekali bayaran bagi meringankan beban kewangan golongan OKU akan dilakukan selepas pengagihan bantuan sekali bayaran kepada imam dan bilal sebelum Ramadan bukan depan.

Katanya, kerajaan akan menyelesaikan bantuan sekali bayaran sebanyak RM200 kepada 1,000 imam dan bilal di seluruh negeri seperti diluluskan pada pembentangan Bajet 2023 November tahun lalu.

"Kita akan selesaikan bantuan sekali bayaran kepada imam dan bilal serta bantuan i-fitri serta bantuan bencana kepada kira-kira 26,000 mangsa bencana banjir yang melanda di negeri ini Disember lalu.

"Kerajaan akan menyelesaikan bantuan sekali bayaran kepada imam dan bilal serta mangsa banjir sebelum Ramadan bulan depan," katanya.

PERLUASKAN KEMUDAHAN LATIHAN UNTUK SEMUA KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/02/18/perluaskan-kemudahan-latihan-untuk-semua-kanak-kanak-berkeperluan-khas>

Sumber : Utusan Borneo

KUCHING: Persatuan Autisme Kuching (KAA) berharap kerajaan akan memperluaskan kemudahan latihan untuk semua kanak-kanak berkeperluan khas di bawah Belanjawan 2023.

Setiausaha KAA Duane Reggie berkata, memperluaskan kemudahan latihan harus meliputi semua kanak-kanak berkeperluan khas dan bukan sekadar untuk KAA.

“Kita memerlukan lebih banyak pusat latihan untuk kanak-kanak berkeperluan khas.

“Jika dilihat kemudahan kanak-kanak berkeperluan khas di Sarawak, kita masih kekurangan dan begitu juga di bahagian Kuching sendiri.

“Sebagai contoh, KAA sahaja, mempunyai ramai kanak-kanak autisme, pusat kami tidak dapat menampung pertambahan kanak-kanak autisme, sebab itu kami perlu membina bangunan kedua (bangunan baharu KAA),” ujarnya.

Beliau menambah, KAA akan membina bangunan tiga tingkatnya bersebelahan bangunan sedia ada di Taman Desa Wira yang dijangka mula dibina tahun ini untuk memudahkan lebih ramai kanak-kanak autisme di pusat itu.

Walaupun mendapat dana daripada kerajaan negeri, beliau berkata dana itu masih tidak mencukupi, justeru mereka terpaksa mencari aktiviti mengumpul dana untuk menambah geran kerajaan.

Antara kemudahan yang akan dibina di bangunan baharu itu ialah kafe, dobi serta kedai sendiri dan galeri seni yang lebih besar.

“Dengan pembesaran pusat KAA, kami berharap apabila ia dibuka, ia dapat menggandakan pengambilan kami.

“Harapan kami, banyak lagi pusat kanak-kanak berkeperluan khas akan dibangunkan,” katanya.

Duane berkata demikian sebagai maklum balas kepada harapan mereka sempena Belanjawan 2023 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 24 Februari ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

WANITA MAUT, NAHAS KERETA DAN LORI TANGKI

<https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/245806>

Sumber : Sinar Harian

MUADZAM SHAH - **[DIKEMAS KINI]** Seorang wanita maut selepas kereta dipandunya terbabit dalam kemalangan dengan sebuah lori tangki di Kilometer 152.2 Jalan Kuantan-Seremban di sini pada Sabtu.

Dalam kemalangan kira-kira jam 9.20 pagi itu, mangsa, Rosnah Saadon, 56, yang bekerja sebagai tukang cuci beralamat di Felda Bukit Sagu 1, Kuantan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah di kepala.

Ketua Polis Daerah Rompin, Deputi Superintendan Mohd Azahari Mukhtar berkata, penumpang dipercayai suami mangsa, Razali Nordin, 62, dan seorang kanak-kanak lelaki, Mohammad Noor Irwan Ezwan, 6, cedera manakala pemandu lori tangki, G Davendran, 46, tidak mengalami sebarang kecederaan.

"Siasatan awal mendapati kereta jenis Proton Persona dipandu mangsa bersama dua penumpang dalam perjalanan dari arah Muadzam Shah menghala ke Seremban.

"Ketika tiba di lokasi kejadian (laluhan menuruni bukit), kereta terbabit dipercayai hilang kawalan dan terbabas ke laluhan bertentangan sebelum bertembung dengan lori tangki," katanya.

Menurutnya, dalam kejadian itu, lori tangki terbabit turut terbakar manakala mayat mangsa tersepit dalam kereta yang remuk dikeluarkan dengan bantuan pihak bomba.

"Mangsa yang cedera dihantar ke Hospital Muadzam Shah untuk menerima rawatan," jelasnya.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Zulfadli Zakaria berkata, lima anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Muadzam Shah bersama sebuah jentera ke lokasi untuk bantuan menyelamatkan mangsa terbabit.

Menurutnya, ketika tiba di lokasi, pihaknya mendapati mangsa lelaki dan kanak-kanak telah dikeluarkan orang awam.

"Mangsa yang maut tersepit dalam kereta berjaya dikeluarkan pihak bomba sebelum diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut," katanya.

Zulfadli berkata, pihaknya turut membantu memadam lori tangki yang terbakar dalam kemalangan terbabit.

HANYA 2.4 PERATUS OKU DI MALAYSIA DAFTAR DENGAN KPWK

<https://www.kosmo.com.my/2023/02/19/hanya-2-4-peratus-oku-di-malaysia-daftar-dengan-kpwkm/>

Sumber : Kosmo



SEBERANG PERAI – Hanya 2.4 peratus atau kira-kira 633,653 daripada penduduk Malaysia berdaftar sebagai orang kelainan upaya (OKU) dengan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sehingga penghujung tahun lalu.

Angka itu bagaimanapun dianggap rendah kerana jumlah OKU yang terdapat di Malaysia ketika ini dianggarkan sebanyak 10 peratus daripada jumlah keseluruhan populasi penduduk di negara ini yang melebihi 33 juta orang.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Aiman Athirah Sabu berkata, pihaknya mengambil beberapa inisiatif untuk meningkatkan kesedaran khususnya dalam kalangan anggota masyarakat atau ahli keluarga yang mempunyai anak OKU untuk segera mendaftar.

Menurutnya, antara inisiatif itu termasuklah menganjurkan karnival mini untuk meraikan golongan berkenaan dengan menggabungkan penyertaan daripada pelbagai pertubuhan pemulihan dalam komuniti (PDK).

“Kita berharap agar lebih ramai ibu bapa khususnya yang mempunyai anak-anak OKU ini tidak lagi berasa rendah diri selepas ini. Sebaliknya, mereka perlu tampil ke hadapan untuk kita kenal pasti (masalah anak mereka) dan jika dapat dibantu lebih awal (pemulihan) maka, itu lebih baik.

“Pada masa sama juga, kita berharap dapat menghilangkan stigma terhadap OKU dalam kalangan masyarakat menerusi program-program dan kempen kesedaran seperti ini,” katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Mini Karnival OKU peringkat negeri di Pantai Robina Eco Park di Butterworth di sini, semalam.

Program yang disempurnakan oleh Ketua Menteri, Chow Kon Yeow turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah (Strategik), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Rosmahwati Ishak serta beberapa Exco Kerajaan negeri.

Ketika ini, terdapat kira-kira 565 PDK di seluruh negara yang mampu memberi manfaat kepada lebih 18,000 OKU dengan 24 daripada PDK tersebut berada di Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Kon Yeow memberitahu, terdapat seramai 34,445 OKU berdaftar di Pulau Pinang sehingga bulan ini. – KOSMO! ONLINE

KEJOHANAN OLAHRAGA PARA PPDK CUNGKIL BAKAT BAHARU PELATIH - JKM PAHANG

<https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57664-kejohanan-olahraga-para-ppdk-cungkil-bakat-baharu-pelatih-jkm-pahang>

Sumber : Berita RTM

KUANTAN, 19 Februari- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang mengadakan Kejohanan Olahraga Para Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) bagi mencungkil bakat baharu supaya dapat diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Program tersebut melibatkan 100 orang atlet Orang Kurang Upaya (OKU) daripada 52 PPDK di seluruh negeri Pahang.

Menurut Ketua Pengarah JKM, Datuk Shaharuddin Abu Sohot, program ini julung kali diadakan bagi melahirkan atlet berpotensi dalam sukan olahraga, selain mengeratkan hubungan silaturahim antara mereka.

"Untuk penyertaan hari ini, kita ada lebih 100 pelatih dan kita mengharapkan mereka ini dapat menunjukkan bakat terpendam yang ada supaya kita dapat ketengahkan.

Kita boleh bawa mereka ke peringkat lebih tinggi termasuk antarabangsa," kata Shaharuddin yang ditemui pemberita RTM pada Program Kejohanan Olahraga Para PPDK Negeri Pahang di Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Gambang, Kuantan yang turut mendapat kerjasama kerajaan negeri, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPNP) dan Majlis Sukan Negara (MSN).



(Foto Fail)

Program tersebut diadakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) sukan ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) dalam memastikan atlet berkualiti dapat dilahirkan.

Dengan kerjasama KBS, atlet yang berpotensi akan digilap potensi mereka sebelum dihantar ke peringkat lebih tinggi.

Pada masa sama, beliau menggalakkan agar lebih ramai golongan OKU mendaftar dengan pihak JKM bagi memastikan mereka tidak tercicir daripada menerima bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

"Jadi, kita menggalakkan supaya masyarakat OKU di luar sana yang belum mendaftar secara rasmi, berbuat demikian dengan segera.

Ini sekali gus akan membantu golongan ini mendapat kemudahan dan bantuan daripada kerajaan berbanding orang bukan OKU," tambahnya.

MELAKA SEDIA RM1 JUTA BERI LAMPIN PAKAI BUANG DEWASA, SUSU

<https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2023/02/19/melaka-sedia-rm1-juta-beri-lampin-pakai-buang-dewasa-susu/>

Sumber : Portal Sinar Harian

MELAKA – Kerajaan Melaka memperuntukkan lebih RM1 juta bagi program pemberian lampin pakai buang dewasa dan susu percuma kepada pesakit kronik dan warga emas terlantar sakit di negeri itu tahun ini.

Exco Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan negeri, Datuk Kalsom Nordin berkata, program berkenaan masih diteruskan seperti tahun sebelum ini dalam usaha memastikan kebajikan golongan tersebut sentiasa terbela selain meringankan beban mereka khususnya golongan B40 dan tidak bekerja.

“Setiap bulan, seorang pesakit akan dibekalkan sekurang-kurangnya tiga bungkus lampin pakai buang yang dianggarkan berjumlah RM60 dan ia amat besar bagi golongan yang terjejas ini.

“Bagi pemberian susu percuma pula, ia bergantung keperluan pesakit mengikut nasihat daripada doktor dan susu yang diberikan merupakan susu formula khas yang menelan harga agak tinggi bagi satu tin susu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Berkhatan Beramai-ramai anjuran Pertubuhan Komuniti Legacy EIS Group Berhad (Comleg Malaysia) yang disertai 64 kanak-kanak lelaki berusia lima hingga 14 tahun pada Ahad.

Dalam perkembangan lain, Kalsom berkata Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka telah menyelamatkan 42 orang papa di negeri itu yang tiada tempat tinggal dan memerlukan perlindungan di bawah Akta Orang Papa 1977 (Akta 183), sepanjang tahun lepas.

Beliau berkata daripada jumlah itu, mangsa yang diselamatkan terdiri daripada 32 lelaki dan 10 wanita berusia lingkungan 20 hingga 60-an.

Katanya, 35 daripada mereka diselamatkan di daerah Melaka Tengah, lima di Alor Gajah manakala dua di Jasin.

“Golongan yang diselamatkan JKM Melaka ini akan ditempatkan di pusat jagaan yang bersesuaian mengikut persetujuan mereka dan ada antaranya kita hantar pulang semula ke rumah.

“Berdasarkan pertemuan dengan golongan gelandangan atau papa ini khususnya warga emas, mereka keluar dari rumah kerana kecil hati atau merajuk dengan ahli keluarga seperti isteri dan anak,” katanya.

Beliau berkata, golongan papa yang mempunyai masalah mental pula akan dihantar ke hospital bagi menjalani rawatan. – Bernama

KANAK-KANAK DITEMUI LEMAS SELEPAS JATUH DALAM LONGKANG

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/19/kanak-kanak-ditemui-lemas-selepas-jatuh-dalam-longkang/>

Sumber : Free Malaysian Today

RAWANG: Seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun, yang dihanyutkan air deras selepas terjatuh ke dalam sebuah longkang di kawasan perumahan di Taman Pelangi, Rawang ditemukan meninggal dunia kira-kira 7.45 malam ini.

Komander Operasi Balai Bomba Rawang Abdul Latif Mat Noor berkata mayat Muhammad Adam Fahmi Mohd Hizlan ditemukan di sungai berhampiran pusat servis kereta Toyota Rawang, oleh penduduk yang menyertai operasi terbabit.

Terdahulu, Penolong Pengarah Operasi Bomba Selangor Hafisham Mohd Noor berkata pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian berkenaan pada 6.19 petang tadi. Beliau berkata dua buah jentera dengan kekuatan 10 anggota dari Balai Bomba Rawang digerakkan ke lokasi dan tiba kira-kira empat minit kemudian.

Sementara itu, bapa Muhammad Adam, Mohd Hizlan Muhd Azemi berkata beliau bersama penduduk sekitar terus mencari anaknya sebaik dimaklumkan mengenai kejadian yang menimpa mangsa.

“Saya memang ada di rumah semasa kejadian. Saya dimaklumkan anak saya tergelincir sebelum terjatuh (ke dalam longkang). Beberapa rakannya yang ada di tempat kejadian cuba membantu tetapi keadaan air longkang yang deras mengakibatkan anak saya dihanyutkan ke sungai berhampiran,” katanya kepada Bernama.

Seorang daripada kira-kira 10 orang penduduk yang menjumpai mayat mangsa, Muhd Suhaimi Sulaiman berkata kanak-kanak itu ditemukan terapung berhampiran sebatang pokok yang hanyut di dalam sungai berkenaan.

BUDAK LELAKI MAUT NAHAS LIMA KENDERAAN

<https://www.sinarharian.com.my/article/246037/berita/semasa/budak-lelaki-maut-nahas-lima-kenderaan>

Sumber : Sinar Harian

KOTA TINGGI - Seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun maut, manakala 12 lagi cedera dalam nahas membabitkan lima kenderaan di KM57.2 Lebu Raya Senai Desaru, Bandar Penawar pada Ahad.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP Penawar) PKPgB Masri Ibrahim berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan mengenai kejadian melalui talian Merss999 pada jam 4.01 petang Ahad.

Masri yang juga Komander Operasi berkata, sejeurus menerima panggilan dua jentera FRT dari BBP Penawar dan BBP Pasir Gudang dengan 14 anggota dihantar ke lokasi nahas.

Menurutnya, setibanya di lokasi kejadian pihaknya mendapati kemalangan itu melibatkan lima kereta iaitu Proton Persona, Honda CRZ, Perodua Myvi, Perodua Bezza dan Honda Insight.

“Seorang mangsa didapati tersepit dalam kereta Proton Pesona, manakala mangsa lain telah keluar sendiri sebelum anggota tiba di lokasi.

"Anggota kemudiannya bertindak mengeluarkan mangsa yang tersepit," katanya.

Masri berkata, operasi berkenaan ditamatkan sekitar 5.42 petang dengan kesemua mangsa yang cedera dikejarkan ke hospital bagi mendapatkan rawatan.

“Mangsa yang meninggal dunia pula diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut,” katanya.

KANAK-KANAK, REMAJA BERISIKO TINGGI MASALAH KESIHATAN MENTAL - DR ZALIHA

<https://selangorkini.my/2023/02/menteri-kanak-kanak-remaja-berisiko-tinggi-alami-isu-kesihatan-mental/>

Sumber : Selangor Kini



JOHOR BAHRU, 19 FEB: Kanak-kanak dan remaja dikenal pasti antara golongan berisiko tinggi untuk mengalami masalah kesihatan mental namun isu berkenaan dilihat masih kurang diberi perhatian.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata hal itu kerana transisi fasa kanak-kanak ke alam dewasa adalah fasa paling kritikal dalam proses perubahan fizikal, kematangan kognitif dan pengurusan emosi sekali gus menyaksikan mereka cenderung untuk rasa keliru dan tersisih apabila tidak dapat menyesuaikan diri dengan baik dalam jaringan sosial.

“Berdasarkan pemerhatian klinikal, kebanyakan pesakit remaja yang hadir ke klinik telah mula mencederakan diri bagi melepaskan tekanan perasaan yang mereka alami.

“Tindakan ini akan menyebabkan mereka rasa malu, menyusahkan dan tidak kompeten. Mereka terperangkap dalam masalah sendiri dan tidak mempunyai pengetahuan yang cukup untuk menyelesaikan masalah tersebut,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Wad Psikiatri Kanak-Kanak dan Remaja di Kompleks Iris Hospital Permai di sini hari ini.

Beliau berkata persepsi ramai bahawa masalah kesihatan mental hanya berlaku kepada orang dewasa sahaja turut menyebabkan isu melibatkan kesihatan mental kanak-kanak kurang diberi perhatian.

“Sebelum pandemik COVID-19, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan 10 hingga 20 peratus kanak-kanak dan remaja seluruh dunia mengalami masalah kesihatan mental manakala 50 peratus masalah kesihatan mental yang serius bermula pada umur 14 tahun,” kata Dr Zaliha.

Ahli Parlimen Sekijang itu turut mengambil contoh tragedi gempa bumi yang melanda bahagian tengah dan selatan Turkiye dan utara Syria baru-baru ini turut membimbangkan kerana dilihat boleh memberi kesan utama iaitu trauma psikologi kepada kanak-kanak terutama mereka yang kehilangan ibu bapa dan ahli keluarga.

Beliau berkata berdasarkan kajian, trauma yang dialami oleh seseorang boleh memberi kesan kepada genetik dan kemudian boleh diturunkan kepada generasi seterusnya dalam keluarga.

“Oleh itu, saya merayu kepada semua, terutama ibu bapa supaya lebih peka dengan faktor-faktor yang boleh memberi trauma kepada golongan kanak-kanak.

“Semua pihak haruslah membantu dalam menyediakan persekitaran yang harmoni dan sihat demi tumbesaran emosi kanak-kanak dan remaja seperti mendalami ilmu keibubapaan,” katanya.

Selain itu, anggota kesihatan katanya, sangat digalakkan untuk mempersiapkan diri dengan ilmu Bantuan Asas Psikologi dalam membantu negara jika berlaku tragedi yang boleh memberi kesan langsung kepada kanak-kanak dan remaja.

Sementara itu, Dr Zaliha berkata wad psikiatri di Kompleks Iris Hospital Permai mula beroperasi sepenuhnya untuk pesakit kanak-kanak dan remaja sejak bulan lepas, yang merupakan perkhidmatan pertama seumpamanya di Malaysia.

WANITA WARGA EMAS DIKHUATIRI HILANG KETIKA MENCARI LOKAN

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1066486/wanita-warga-emas-dikhuatiri-hilang-ketika-mencari-lokan>

Sumber : Berita Harian

TUARAN: Wanita warga emas dikhuatiri hilang ketika mencari lokan bersama keluarganya di Kampung Betutai di sini, hari ini.

Difahamkan, mangsa dikenali Jinteh Sudin, 76, kali terakhir dilihat di kawasan hutan paya bakau sebelum disedari hilang, kira-kira jam 7 malam tadi.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Daerah Tuaran, Abdul Qawie Abdul Gapar, berkata pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian daripada orang awam pada jam 7.23 malam.

Katanya, sepasukan lapan anggota bomba bergegas ke lokasi kejadian dengan satu jentera dan satu Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS).

"Berdasarkan maklumat awal, terdapat seorang wanita warga emas dikhuatiri hilang ketika mencari lokan bersama ahli keluarga.

"Sehingga kini, pasukan bomba masih menjalankan operasi SAR bagi mengesan mangsa yang dilaporkan hilang di lokasi kejadian," katanya ketika dihubungi.

Katanya, operasi turut disertai Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan penduduk kampung.